


TAMBO Alam Naning adalah suatu pendokumentasian Adat Perpatih Naning yang menjelaskan peranan dan fungsi undang-undang adat serta memberi penjelasan tentang adat masyarakat Melayu Adat Perpatih Naning khususnya dan masyarakat Melayu bukan pengamal Adat Perpatih umumnya. Pendokumentasian ini penting dalam pembangunan tamadun bangsa Melayu, mencerminkan ketertiban adab dan adat berasaskan agama Islam dalam kehidupan bangsa Melayu. *Tambo Alam Naning* juga merupakan petunjuk bahawa kita bangsa Melayu mempunyai Adat (undang-undang) sendiri iaitu - Adat Dato' Temenggung Bendahara Kaya dan Adat Dato' Perpatih Nan Sebatang (di wilayah Adat Perpatih Naning diadakan Adat Perpatih Naning yang berasaskan Adat Dato' Perpatih Nan Sebatang).

Penjelasan tentang pengertian dan kedudukan adat disampaikan dalam ungkapan berikut:

"Hidup dikandung adat,
Mati dikandung bumi,
Adat nan tohanjum ko bumi,
Adat nan tosorundak ko langit,
Adat nan bosondi syarak,
Syarak nan bosondi kitab Allah,
Adat nan biar mati anak,
Adat nan jangan mati adat".

Kata adat "Dahulu adat komudian syarak, jiko tidak ado adat, syarak pun tidak ado". Sesungguhnya mengelirukan oleh itu haruslah dicari kebenaran tentang adat. Bagi mencari penjelasannya penerangan ini hendaklah difahami - Apabila lahir seorang bayi - persoalannya adakah bayi ini dikandung oleh hukum syarak atau hukum akal atau hukum adat? Jawapannya ialah dikandung oleh hukum adat. Itulah sebabnya di Naning diadakan "sehari beranak, sehari bernama, sehari berhutang emak bapaknya; pertama kerat pusat, kedua upah bidan, ketiga khatam mengaji, keempat sunat Rasul s.a.w., dan kelima nikah kahwin". Maka pada masa itu juga tumbuh kerjasama dan tolong



menolong baginya, najis dibasuhkan, kencingnya dibersihkan, makannya disuapkan, dimandikan dan sebagainya, semuanya bayi tidak bertanggungjawab. Apabila umur menjelang tujuh hingga lapan tahun, maka dikandung pula oleh hukum akal dan apabila baligh maka dikandung oleh hukum syarak. Maka seseorang insan itu dikandung oleh hukum adat, hukum akal, dan hukum syarak.

Adat juga bermaksud undang-undang pentadbiran; di dalam wilayah Adat Perpatih Naning perkataan Adat diadakan dengan sebutan: "Adat Perpatih Naning yang Berasaskan Adat Dato' Perpatih Nan Sebatang". Adat ini adalah berdasarkan kata Nan Diadakan yang berbunyi: dulu adat, kemudian syarak; jika tiada adat, syarak pun tiada tempatnya. Ungkapan ini membawa pengertian bahawa sekiranya Lembaga (lembaga) Nabi Adam a.s. tidak ditempa maka syarak tiada tempatnya, sebab tiada manusia yang akan beramal pada-Nya.

Di negara ini mereka yang sah menganuti Adat Dato' Nan Sebatang adalah terdiri daripada mereka yang beragama Islam, mempunyai suku, dan mempunyai waris. Suku bermaksud seseorang itu mempunyai sukunya mengikut perkembangan emaknya; jika emaknya daripada suku Anak

Melaka, maka anak-anaknya dengan sendirinya suku Anak Melaka iaitu suku emaknya. Seseorang itu mempunyai satu suku sahaja iaitu sukunya yang asal, sebab kata Adat "suku tidak boleh dialeah". Bagi seseorang lelaki atau perempuan yang telah menjalani istiadat berkadim (menjadi seorang anak buah Adat Perpatih Naning), maka mereka mengikut suku emaknya (perempuan yang diakuinya sebagai emak), jika emaknya suku Anak Melaka, maka sukunya (yang berkadim itu) suku Anak Melaka juga. Jika seseorang itu belum memeluk agama Islam, maka dia hendaklah terlebih dahulu memeluk agama Islam, barulah istiadat berkadim boleh dijalankan.

Waris bermaksud mengikut aliran darah ayah masing-masing (lelaki atau perempuan) atau dengan sebarang jalan baginya berhak mewarisi harta benda atau perkara. Kita harus memahami bahawa anak-anak seseorang lelaki yang mempunyai suku, maka anak-anaknya (lelaki atau perempuan) tidak diadakan mengikut suku bapanya. Misalnya lelaki A daripada suku Mungka berkahwin dengan perempuan B daripada suku Semelenggang. Maka semua anak mereka berdua itu mengikut suku emaknya, iaitu suku isteri A. Dan waris anak-anak mereka ialah A iaitu bapa bagi anak-anak itu. Dengan perkataan lain pengertian suku dan waris bukannya satu per empat tetapi penunjuk kumpulan keluarga suku masing-masing.

Adat juga tertakluk pada kata Adat Nan Diadakan yang berbunyi: "Sokali air bah sokali pasir borubah, sokali rajo boganti sokali Adat boksa". Artinya, Adat (undang-undang) boleh dikisar (diubahsuai) mengikut perubahan masa dan zaman dengan mengikut kuasa nan diadakan yang berbunyi:

Hidup mati kopada Undang,
Undang nan monitikkan,
Lombaga nan monampong. Tak boleh dianjak dialih lagi,
Kato komudian nan tak bocari.

- Amiruddin Mohd. Akhir